

1. PENGENALAN

1.1. Terma dan Syarat ini menetapkan terma untuk AmBank menyediakan Perkhidmatan kepada Pelanggan dan hendaklah dibaca bersama dengan:

- (a) Jadual Definisi;
- (b) mana-mana Jadual Perkhidmatan berkenaan yang boleh dikeluarkan oleh AmBank dari semasa ke semasa, borang permohonan yang berkaitan dan/atau Borang Persediaan berhubung dengan mana-mana Perkhidmatan;
- (c) mana-mana Panduan Pengguna yang berkenaan; dan
- (d) terma dan syarat am bagi Akaun dan Perkhidmatan.

2. TAFSIRAN

2.1. Definisi. Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas dalam Terma dan Syarat ini, takrifan dan prinsip pentafsiran yang terkandung dalam Jadual Definisi hendaklah terpakai bagi Terma dan Syarat ini.

3. PENYEDIAAN PERKHIDMATAN

3.1. Penyediaan Perkhidmatan.

- AmBank hendaklah:
- (a) menggunakan segala ketekunan dan kemahiran yang munasabah untuk penyediaan Perkhidmatan; dan
 - (b) berusaha dengan munasabah untuk:
 - (i) memastikan setiap Perkhidmatan Saluran beroperasi sebagaimana yang diterangkan dalam Panduan Pengguna yang berkaitan;
 - (ii) menetapkan semula mana-mana Perkhidmatan Saluran secepat yang munasabah sekiranya Perkhidmatan Saluran tersebut terganggu atau tidak tersedia atas apa-apa sebab, atau atas budi bicara AmBank, menyediakan kemudahan alternatif; dan
 - (iii) menghalang akses tanpa kebenaran kepada mana-mana Perkhidmatan Saluran.

3.2. Penyertaan Ahli Kumpulan. Mana-mana syarikat yang merupakan ahli kepada kumpulan syarikat Pelanggan atau mempunyai urusan kewangan bona fide dengan Pelanggan atau kumpulan syarikat Pelanggan, boleh, tertakluk pada Terma dan Syarat AmBank, pada bila-bila masa menyertai Terma dan Syarat Berkaitan dengan menandatangani Surat Penyertaan, yang melalui surat tersebut syarikat berkenaan hendaklah terikat dengan terma dalam Terma dan Syarat Berkaitan seolah-olah ia merupakan pihak asal. AmBank diberi kuasa untuk:

- (a) memberikan satu salinan Terma dan Syarat Berkaitan kepada syarikat yang menyertai tersebut; dan
- (b) mendedahkan apa-apa dokumen dan rekod Pelanggan atau maklumat yang berkaitan dengan Perkhidmatan kepada syarikat yang menyertai tersebut.

3.3. Pematuhan. Penyediaan Perkhidmatan adalah tertakluk pada semua Undang-undang yang Berkenaan termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. AmBank berhak meminda secara unilateral mana-mana terma dalam Terma dan Syarat yang Berkaitan untuk mematuhi Undang-undang yang Berkenaan tersebut.

3.4. Force Majeure dan sebagainya. AmBank tidak bertanggungjawab atas apa-apa kegagalan untuk melaksanakan mana-mana kewajibannya di bawah mana-mana Terma dan Syarat yang Berkaitan sekiranya pelaksanaan tersebut dihalang oleh Force Majeure atau akan mengakibatkan pelanggaran mana-mana Undang-undang yang Berkenaan. AmBank tidak akan

bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga yang timbul daripadanya.

4. PENGGUNAAN PERKHIDMATAN

4.1. Pengisytiharan dan Jaminan.

- Pelanggan mengakui bahawa AmBank telah memasuki Terma dan Syarat yang Berkaitan dengan sepenuhnya bergantung pada akuan dan jaminan yang diberikan oleh Pelanggan seperti berikut: dan lengkap; dan
- (a) Pelanggan telah memperoleh semua lesen, keizinan atau kelulusan korporat, kerajaan, kawal selia dan lain-lain yang diperlukan bagi pelaksanaan, penyerahan dan pematuhan terhadap Terma dan Syarat yang Berkaitan;
 - (b) pelaksanaan, penyerahan dan pematuhan terhadap Terma dan Syarat yang Berkaitan oleh Pelanggan tidak dan tidak akan melanggar mana-mana Undang-undang yang Berkenaan, apa-apa penghakiman, perintah atau dekri yang mengikat Pelanggan, atau Perlembagaan Pelanggan ataupun Akta Syarikat 2016 (bagi syarikat yang tidak mempunyai Perlembagaan) atau mana-mana dokumen pentadbiran lain yang berkaitan;
 - (c) Pelanggan mempunyai kuasa penuh dan autoriti yang sah di sisi undang-undang untuk melaksanakan, menyerahkan dan mematuhi Terma dan Syarat yang Berkaitan;
 - (d) semua maklumat yang diberikan kepada AmBank dari semasa ke semasa adalah dan akan kekal benar, tepat serta lengkap; dan
 - (e) Setiap Pelanggan telah dan hendaklah mematuhi sepenuhnya [(dan Syarikat Induk hendaklah memastikan setiap ahli Kumpulan turut mematuhi)] seksyen 123 hingga 126 Akta Syarikat 2016 serta mana-mana undang-undang setara di bidang kuasa lain, termasuk yang berhubung dengan pelaksanaan [Dokumen Sekuriti] dan pembayaran amaun yang perlu dibayar di bawah Terma dan Syarat ini.

4.2. Pematuhan terhadap Terma dan Syarat yang Berkaitan.

- Pelanggan hendaklah mematuhi, dan hendaklah memastikan bahawa Pengguna, pekerja serta ejennya yang berkaitan menyedari dan mematuhi:
- (a) semua terma dan syarat dalam Terma dan Syarat yang Berkaitan;
 - (b) apa-apa arahan atau permintaan yang dikeluarkan oleh AmBank kepada Pelanggan dari semasa ke semasa berhubung dengan Perkhidmatan; dan
 - (c) semua Undang-undang yang Berkenaan.

4.3. Ejen Pelanggan.

- Apabila Pelanggan telah melantik seorang Ejen: (a) Ejen tersebut diberi kuasa secara tidak boleh batal oleh Pelanggan:
- (i) untuk bersetuju dengan terma dalam Terma dan Syarat yang Berkaitan, termasuk apa-apa pindaan atau tambahan padanya atau penambahan atau penghapusan mana-mana Perkhidmatan;
 - (ii) untuk melantik mana-mana ahli kumpulan syarikat Pelanggan untuk bertindak sebagai pengganti Ejen; dan
 - (iii) untuk menandatangani mana-mana dokumen dan melaksanakan apa-apa tindakan bagi pihak Pelanggan sebagaimana yang diperlukan untuk melaksanakan atau merealisasikan mana-mana perkara di atas.
- (b) AmBank boleh menganggap bahawa mana-mana kuasa yang diperlukan telah diperoleh oleh Ejen daripada Pelanggan, dan setiap tindakan yang dilakukan serta setiap dokumen yang ditandatangani oleh Ejen bagi pihak Pelanggan hendaklah mengikat Pelanggan; dan
- (c) Ejen hendaklah memastikan bahawa Pelanggan (termasuk setiap Pelanggan Penyertaan) memenuhi kewajibannya di bawah Terma dan Syarat yang Berkaitan.

4.4. Pelantikan Pengguna.

- Pelanggan hendaklah:
- (a) melantik, dan menetapkan Profil Akses bagi, setiap Pengguna (termasuk setiap Pentadbir) mengikut cara yang ditetapkan oleh AmBank dari semasa ke semasa;

- (b) membuat apa-apa perubahan kepada Profil Akses Pengguna melalui notis bertulis kepada AmBank dalam bentuk yang ditetapkan oleh AmBank dari semasa ke semasa;
- (c) segera memaklumkan kepada AmBank tentang apa-apa perubahan dalam maklumat yang diberikan berkenaan mana-mana pengguna dari semasa ke semasa; dan
- (d) terikat dengan dan memikul tanggungjawab tunggal terhadap tindakan setiap Pengguna.

5. KOMUNIKASI, KEBERGANTUNGAN DAN TANPA PENOLAKAN

5.1. Komunikasi. Pelanggan bersetuju:

- (a) mana-mana Komunikasi tidak boleh dibatalkan setelah dikeluarkan;
- (b) kecuali dipersetujui sebaliknya oleh AmBank secara bertulis, satu Komunikasi hendaklah dibuat melalui Saluran yang dinyatakan dalam borang persediaan atau Jadual Perkhidmatan yang berkaitan. AmBank tidak diwajibkan untuk mengambil apa-apa langkah bagi mengesahkan kesahihan sesebuah Komunikasi atau kuasa atau identiti pihak yang menghantar Komunikasi, kecuali sejauh yang dinyatakan dalam Prosedur Keselamatan;
- (c) sekiranya pada pendapat AmBank semua Prosedur Keselamatan nampak telah dipatuhi, AmBank boleh bertindak berdasarkan mana-mana Komunikasi, walaupun bertentangan dengan Komunikasi lain;
- (d) AmBank berhak untuk menganggap setiap Komunikasi adalah tepat dan lengkap serta tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kesilapan atau kecuaiannya Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga dalam mana-mana Komunikasi atau duplikasi mana-mana Komunikasi oleh Pelanggan;
- (e) AmBank boleh bertindak berdasarkan mana-mana Komunikasi hanya dengan merujuk nombor akaun, walaupun nama akaun diberikan;
- (f) AmBank boleh bertindak berdasarkan mana-mana Komunikasi sekiranya AmBank secara munasabah percaya bahawa Komunikasi tersebut mengandungi maklumat yang mencukupi bagi tujuan AmBank (difahami bahawa AmBank boleh bergantung pada mana-mana data yang terkandung dalam mana-mana Komunikasi tanpa diwajibkan untuk mengesahkannya);
- (g) AmBank boleh memutuskan untuk tidak bertindak berdasarkan mana-mana Komunikasi sekiranya ia tidak dihantar melalui Saluran yang dipersetujui atau apabila AmBank secara munasabah meragui kandungannya, kesempurnaan, ketepatan, kuasa, asal-usul, atau pematuhan dengan Prosedur Keselamatan, dalam hal ini AmBank hendaklah segera memaklumkan kepada Pelanggan tentang keputusannya; dan
- (h) sekiranya Pelanggan memaklumkan kepada AmBank (secara bertulis, kecuali dipersetujui sebaliknya oleh AmBank) bahawa Pelanggan ingin menarik balik, membatalkan atau meminda mana-mana Komunikasi sebelum Komunikasi tersebut dilaksanakan oleh AmBank, AmBank akan berusaha dengan munasabah untuk mematuhi. AmBank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul daripada mana-mana tindakan atau kecuaiannya AmBank yang dijalankan selaras dengan Fasal 5.1 ini.

5.2. Kuasa Pengguna. AmBank boleh bergantung pada kuasa setiap Pengguna untuk menghantar Komunikasi atau melakukan apa-apa perkara lain selaras dengan Profil Akses Pengguna tersebut sehingga AmBank menerima notis bertulis mengenai perubahan yang berkaitan dalam Profil Akses Pengguna itu, dan AmBank diberikan masa yang munasabah untuk bertindak berdasarkan notis tersebut. Apabila Transaksi yang dimulakan atau seolah-

olah dimulakan oleh seorang Pengguna diproses secara automatik oleh sistem AmBank, maka walaupun terdapat apa-apa arahan daripada Pelanggan untuk menggantung atau membatalkan apa-apa Pengesah, Kunci Elektronik, ID Pengguna atau Sijil Digital berhubung dengan Pengguna tersebut, Transaksi yang dimulakan atau seolah-olah dimulakan oleh Pengguna tersebut terus mengikat Pelanggan sehingga Pengesah, Kunci Elektronik, ID Pengguna atau Sijil Digital Pengguna itu dinyahdayakan oleh atau dalam sistem AmBank.

5.3. Anggapan Sah Kuasa. Mana-mana individu (sama ada seorang Pengguna atau tidak) yang menggunakan mana-mana Bahan Sistem, ID Pelanggan atau ID Pengguna dianggap diberi kuasa oleh Pelanggan selaras dengan Profil Akses yang dikaitkan dengan Bahan Sistem, ID Pelanggan, atau ID Pengguna tersebut, dan hendaklah dianggap mempunyai kuasa untuk bertindak bagi pihak Pelanggan.

5.4. Penggunaan Saluran Perkhidmatan Tidak Selamat. Sekiranya Pelanggan telah mencalonkan dan AmBank telah bersetuju untuk menggunakan Saluran Perkhidmatan Tidak Selamat seperti telefon, faks atau e-mel sebagai Saluran:

- (a) Pelanggan mengakui bahawa ia sedar dan menerima risiko yang berkaitan dengan pencalonan Saluran Perkhidmatan Tidak Selamat sebagai Saluran, termasuk risiko kelewatan, tidak diterima dan pemintasan dan/atau campur tangan pihak ketiga terhadap maklumat sulit;
- (b) AmBank diberi kuasa tanpa syarat (tetapi tidak diwajibkan) untuk bergantung dan bertindak berdasarkan mana-mana Komunikasi yang dibuat melalui Saluran tersebut, tanpa siasatan mengenai identiti atau kuasa pihak yang memberikan (atau mendakwa memberikan) Komunikasi tersebut, atau kesahihan Komunikasi tersebut, dan mana-mana Komunikasi sedemikian hendaklah mengikat Pelanggan;
- (c) walaupun demikian, AmBank boleh, atas budi bicara mutlak, mengambil langkah untuk mengesahkan kesahihan atau keabsahan mana-mana Komunikasi yang diterima melalui Saluran Perkhidmatan Tidak Selamat, atau menahan atau menagguhkan tindakan terhadap mana-mana Komunikasi sedemikian atas apa-apa sebab;
- (d) sekiranya Pelanggan telah meminta AmBank untuk bertindak berdasarkan mana-mana Komunikasi yang dihantar melalui mana-mana cara yang memerlukan campur tangan manual (seperti telefon, penghantaran faks, e-mel atau mana-mana Media Simpanan) yang dihantar sendiri):
 - (i) Pelanggan hendaklah menyediakan kepada AmBank salinan fizikal Komunikasi sedemikian tidak lewat daripada dua (2) Hari Perniagaan dari tarikh penghantaran awal, dan hendaklah memastikan bahawa penghantaran awal tersebut dicatat pada salinan fizikal Komunikasi itu;
 - (ii) AmBank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada kecuaiannya Pelanggan untuk membuat apa-apa catatan sedemikian (termasuk akibat apa-apa pembayaran duplikasi atau Transaksi yang dilakukan oleh AmBank).

5.5. Rakaman. Pelanggan memberikan kuasa kepada AmBank untuk merakam semua perbualan telefon dan perbualan suara lain antara Pelanggan dengan AmBank melalui mana-mana cara yang difikirkan sesuai oleh AmBank.

5.6. Laporan. Pelanggan boleh membuat permintaan untuk satu atau lebih Laporan berhubung mana-mana Akaun atau Transaksinya, yang akan disediakan kepada Pelanggan berdasarkan pilihan yang dibuat oleh Pelanggan dalam Borang Persediaan yang berkaitan. Setiap Laporan dianggap sebagai notis yang dihantar oleh AmBank dan hanya mengandungi maklumat setakat dan sehingga masa Laporan tersebut dikeluarkan. AmBank tidak diwajibkan untuk memastikan atau mengesahkan penerimaan

mana-mana Laporan oleh mana-mana individu. Apabila mana-mana Laporan yang disampaikan berkaitan dengan atau mengandungi apa-apa maklumat berhubung dengan mana-mana Transaksi Perkhidmatan Bukan Produk, Transaksi Perkhidmatan Bukan Produk tersebut akan terus tertakluk sepenuhnya pada Terma Transaksi yang berkaitan.

5.7. Rekod adalah Muktamad. Kecuali bagi kesilapan yang nyata, rekod AmBank (sama ada dalam bentuk kertas, elektronik atau lain-lain) berhubung mana-mana Komunikasi atau Laporan merupakan bukti muktamad tentang penerimaan atau ketidakterimaan, atau kandungan Komunikasi atau Laporan tersebut.

6. KESELAMATAN DAN TANGGUNGJAWAB

6.1. Risiko dan Tanggungjawab. Pelanggan:

- (a) hendaklah sentiasa mematuhi Prosedur Keselamatan;
- (b) bertanggungjawab dan menerima semua risiko yang berkaitan dengan penghantaran mana-mana Bahan Sistem, ID Pelanggan dan/atau ID Pengguna dari saat AmBank melepaskan kawalan fizikal atau memindahkan kawalan ke atasnya kepada Pelanggan (jika berkenaan);
- (c) hendaklah menyimpan semua Bahan Sistem, Kemudahan Pelanggan, ID Pelanggan, ID Pengguna dan semua maklumat yang berkaitan dengan Perkhidmatan dengan selamat, terjamin dan sulit serta tidak membenarkan mana-mana individu (selain Pengguna, pekerja, dan ejen yang diberi kuasa oleh Pelanggan) mengaksesnya; dan
- (d) hendaklah membayar kos untuk memperbaiki dan/atau menggantikan mana-mana Bahan Sistem yang hilang, rosak atau pincang tugas.

6.2. Tanggungjawab untuk Memaklumkan kepada AmBank. Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada AmBank dengan cara yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat yang Berkaitan atau oleh AmBank dari semasa ke semasa sekiranya Pelanggan pada bila-bila masa menyedari atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa:

- (a) mana-mana Bahan Sistem, Kemudahan Pelanggan, ID Pelanggan atau ID Pengguna telah, sedang atau mungkin telah disalahgunakan, hilang atau didedahkan kepada atau berada dalam pemilikan mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa; dan/atau
- (b) telah berlaku atau mungkin berlaku penggunaan tanpa kebenaran terhadap mana-mana Bahan Sistem, Kemudahan Pelanggan, ID Pelanggan atau ID Pengguna.

6.3. Bantuan kepada AmBank. Pelanggan hendaklah:

- (a) menyediakan semua bantuan dan maklumat yang munasabah kepada AmBank untuk membolehkan AmBank mengambil tindakan yang sesuai berhubung perkara yang dirujuk dalam fasal 6.2, termasuk apa-apa tindakan untuk melibatkan Pihak Berkuasa Awam yang berkaitan.
- (b) membantu AmBank untuk menjalankan pemeriksaan keselamatan berhubung Perkhidmatan seperti yang dianggap perlu oleh AmBank dari semasa ke semasa.
- (c) menyediakan dokumen sokongan atau mana-mana dokumen berkaitan yang lain untuk membantu AmBank memproses atau melaksanakan apa-apa arahan yang terkandung dalam Komunikasi atau untuk memastikan pematuhan terhadap semua Undang-undang berkenaan.

7. PERISIAN DAN HAK IP

7.1. Penyediaan Manual Perisian/Sistem. AmBank boleh menyediakan kepada Pelanggan berhubung dengan Perkhidmatan sebahagian kuantiti Bahan Perisian dan Sistem dalam bentuk yang ditentukan oleh AmBank dari semasa ke semasa. AmBank memberi Pelanggan lesen

atau sublesen yang boleh dibatalkan, peribadi, bukan eksklusif dan tidak boleh dipindah milik (mengikut kes yang berkenaan) untuk menggunakan Bahan Perisian dan Sistem tersebut hanya berhubung dengan Perkhidmatan dan selaras dengan Terma dan Syarat yang Berkaitan:

- (a) Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada AmBank sekiranya Pelanggan menyedari apa-apa penggunaan tanpa kebenaran terhadap Bahan Perisian dan/atau Sistem.

7.2. Pemilikan Perisian dan lain-lain. Perisian, Bahan Sistem, Laman Web dan semua Hak IP yang berkaitan kekal sebagai harta eksklusif AmBank atau pembekal yang berkaitan, jika berkenaan, dan semua hak yang tidak diberikan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini adalah terpelihara oleh AmBank atau pembekalnya, jika berkenaan.

8. PERALATAN DAN SISTEM

8.1. Tanggungjawab Pelanggan. Pelanggan hendaklah:

- (a) memperolehi, memasang, menyelenggara dan, jika perlu, menaik taraf, dengan perbelanjaan Pelanggan, perisian, peralatan dan sistem milik sendiri seperti yang mungkin dinyatakan dalam mana-mana Panduan Pengguna atau oleh AmBank dari semasa ke semasa sebagai perlu untuk penggunaan mana-mana Perkhidmatan; dan
- (b) memaklumkan kepada AmBank secepat mungkin sekiranya Pelanggan menyedari apa-apa kegagalan sebenar atau disyaki, kerosakan atau ksilapan pengaturcaraan, pepijat atau kecacatan dalam Perisian atau sistem AmBank, dan membantu AmBank dalam mana-mana langkah pembetulan yang dicadangkan.

AmBank tidak memberikan apa-apa jaminan, nyata atau tersirat, sama ada di sisi undang-undang atau fakta, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa jaminan tersirat mengenai kesesuaian untuk tujuan tertentu atau kebolehdagangan, berhubung Perkhidmatan, Perisian, Bahan Sistem atau mana-mana perisian, peralatan atau sistem yang mungkin diperoleh atau digunakan oleh Pelanggan berhubung dengan Perkhidmatan.

8.2. Perisian Hasad. AmBank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa Perisian Hasad yang mungkin dihadapi oleh Pelanggan semasa menggunakan Perkhidmatan, atau apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Perisian Hasad tersebut. Pelanggan hendaklah mengambil semua langkah munasabah untuk mengelakkan akses tanpa kebenaran atau jangkitan sistemnya atau sistem AmBank oleh Perisian Hasad.

9. FI DAN PEMBAYARAN

9.1. Fi. Pelanggan hendaklah membayar kepada AmBank Fi bagi penyediaan Perkhidmatan dan bagi mana-mana Bahan Sistem yang disediakan atau dilesenkan oleh AmBank kepada Pelanggan serta semua fi, caj penghantaran, duti setem, dan mana-mana perbelanjaan munasabah lain yang ditanggung sendiri berhubung dengan penyediaan Perkhidmatan. Jumlah tersebut perlu dibayar sepenuhnya pada Hari Perniagaan terakhir setiap bulan, kecuali dipersetujui sebaliknya oleh AmBank. AmBank berhak untuk mengubah Fi dan tarikh pembayaran pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan. Kecuali dipersetujui sebaliknya oleh AmBank, semua pembayaran hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia

9.2. Cukai. Kecuali dinyatakan secara nyata sebaliknya, pihak-pihak bersetuju bahawa apa-apa Fi, harga, nilai, hasil ("Fi") atau jumlah yang serupa yang digunakan dalam pengiraan fi adalah tidak termasuk Cukai. Sekiranya mana-mana bekalan yang dibuat di bawah atau berhubung dengan Terma dan Syarat ini tertakluk kepada Cukai, AmBank boleh menambahkan pertimbangan yang disediakan dengan jumlah Cukai tersebut dan menuntut jumlah

tambahan itu daripada Pelanggan selain Fi dengan notis dua puluh satu (21) hari kalendar.

9.3. Kuasa untuk Mendebit Akaun Pelanggan. AmBank akan mendebit akaun Pelanggan bagi apa-apa fi yang timbul daripada penyediaan Perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kegagalan, Pelanggan secara tidak boleh batal memberikan kuasa kepada AmBank untuk mendebit mana-mana akaun Pelanggan dengan AmBank dengan notis tujuh (7) hari kalendar bagi Fi yang timbul berhubung Perkhidmatan dan Bahan Sistem yang disediakan oleh AmBank kepada Pelanggan atau mana-mana ahli Kumpulan Pelanggan, serta caj, kos, perbelanjaan dan jumlah lain yang perlu dibayar kepada AmBank di bawah Terma dan Syarat yang Berkaitan. AmBank boleh menggabungkan mana-mana atau semua akaun Pelanggan dengan AmBank dengan notis tujuh (7) hari kalendar.

Kuasa yang diberikan oleh Pelanggan kepada AmBank di bawah fasal ini terus berkuat kuasa selepas penamatan Terma dan Syarat ini sehingga semua wang yang terhutang oleh Pelanggan kepada AmBank di bawah Terma dan Syarat yang Berkaitan telah dibayar sepenuhnya.

9.4. Pertukaran Mata Wang. Apa-apa pertukaran daripada satu mata wang kepada mata wang lain boleh dilakukan mengikut cara yang ditentukan oleh AmBank dan pada Kadar Tukaran Asing AmBank yang berkuat kuasa pada masa itu. Apa-apa kerugian, kos, caj dan risiko yang timbul daripada mana-mana pertukaran mata wang hendaklah ditanggung oleh Pelanggan dan boleh didebit daripada akaun Pelanggan dengan AmBank. Sekiranya akaun yang ditetapkan oleh Pelanggan sebagai akaun untuk didebit bagi transaksi mengandungi dana yang tidak mencukupi untuk melengkapkan mana-mana transaksi sedemikian, AmBank berhak untuk membubarkan posisi pertukaran asing dan menganggap transaksi tersebut dibatalkan. Pelanggan hendaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian (termasuk kerugian pertukaran), kerosakan, caj (termasuk kos penggantian) dan fi yang timbul berhubung dengan pembatalan sedemikian.

9.5. Pembayaran. Pelanggan bersetuju:

- Apa-apa pertikaian atau tuntutan oleh Pelanggan tidak akan menangguhkan kewajipan Pelanggan untuk membayar apa-apa jumlah yang terhutang kepada AmBank.
- Apa-apa pembayaran yang hendak dibuat kepada AmBank oleh Pelanggan berhubung dengan Terma dan Syarat yang Berkaitan hendaklah dibuat tanpa apa-apa tolak selesai atau tuntutan balas dan bebas daripada apa-apa potongan atau penahanan bagi atau atas apa-apa cukai atau caj lain yang bersifat cukai yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Awam kecuali jika dikehendaki oleh undang-undang.
- Sekiranya mana-mana potongan atau penahanan sedemikian dikehendaki dibuat oleh Pelanggan atau bagi pihak Pelanggan, Pelanggan hendaklah membayar kepada AmBank apa-apa jumlah tambahan yang diperlukan untuk memastikan AmBank menerima dan mengekalkan jumlah penuh pembayaran berkenaan seolah-olah potongan atau penahanan sedemikian tidak dibuat.
- Pelanggan melepaskan semua hak di bawah Seksyen 60 Akta Kontrak 1950 berhubung dengan apa-apa pembayaran yang dibuat kepada AmBank di bawah mana-mana Terma dan Syarat yang Berkaitan.
- AmBank boleh memperuntukkan apa-apa pembayaran yang diterimanya berhubung dengan mana-mana Terma dan Syarat yang Berkaitan untuk melunaskan sepenuhnya atau sebahagian mana-mana wang yang terhutang oleh Pelanggan atau mana-mana ahli Kumpulan Pelanggan kepada AmBank dalam mana-mana urutan yang dianggap sesuai oleh AmBank walaupun terdapat apa-apa peruntukan yang didakwa dibuat oleh Pelanggan.

- AmBank boleh melakukan tolak selesai mana-mana pembayaran yang terhutang oleh AmBank kepada Pelanggan terhadap mana-mana jumlah yang terhutang oleh mana-mana ahli Kumpulan Pelanggan kepada AmBank (i) sama ada jumlah yang terhutang itu terhutang secara sendiri atau bersama mana-mana individu lain; (ii) sama ada jumlah yang terhutang oleh ahli Kumpulan Pelanggan kepada AmBank perlu dibayar serta-merta atau tidak; dan (iii) sebelum dan selepas tuntutan di bawah Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu.

9.6. Caj Lewat Bayar. Sekiranya Pelanggan tidak membayar Fi atau apa-apa wang yang perlu dibayar oleh Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini pada atau sebelum tarikh akhir, Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk membayar caj lewat bayar ke atas jumlah tersebut atas tuntutan AmBank. Caj Lewat Bayar:

- perlu dibayar dari tarikh akhir sehingga pembayaran dibuat sepenuhnya oleh Pelanggan;
- dikira ke atas baki harian pada kadar 10% setahun atau kadar lain yang mungkin ditetapkan oleh AmBank;
- dimodalkan setiap bulan.

10. HAD LIABILITI

10.1. Pengecualian Kehilangan Tidak Langsung atau Turutan dan sebagainya. Tertakluk kepada mana-mana terma lain yang mungkin terkandung dalam mana-mana Jadual Perkhidmatan (jika berkenaan), AmBank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan bagi apa-apa kehilangan tidak langsung atau turutan, kehilangan keuntungan atau perniagaan, atau ganti rugi yang ditanggung oleh Pelanggan, sama ada berpunca daripada kecuaihan, pelanggaran kontrak atau sebaliknya walaupun kehilangan tersebut boleh dijangka secara munasabah atau AmBank telah dimaklumkan tentang kemungkinan berlakunya kehilangan atau ganti rugi sedemikian, kecuali dan melainkan jika kehilangan tersebut berpunca secara langsung daripada kecuaihan besar, keingkaran sengaja atau penipuan oleh Bank.

10.2. Pengecualian Liabiliti bagi Kehilangan Lain. AmBank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian yang timbul berhubung dengan atau sebagai akibat daripada:

- keadaan di luar kawalan atau pengetahuan AmBank termasuk apa-apa tindakan atau kecuaihan yang tidak dapat dijangka atau diabaikan oleh pembekal perkhidmatan, kontraktor atau ejen AmBank;
- apa-apa kesilapan dalam maklumat yang dibekalkan kepada AmBank atau Pelanggan oleh pihak ketiga, termasuk apa-apa maklumat yang terkandung dalam mana-mana Laporan;
- AmBank bertindak atau tidak bertindak ke atas Komunikasi jika AmBank melakukannya selaras dengan peruntukan Terma dan Syarat yang Berkaitan;
- apa-apa ketidaktersediaan atau kegagalan, penggantungan atau kerosakan dalam mana-mana Saluran komunikasi, rangkaian, kemudahan penghantaran lain, Perisian atau Kemudahan Pelanggan, walau bagaimanapun puncanya;
- apa-apa gangguan, pencerobohan atau serangan oleh mana-mana individu atau Perisian Hasad yang menjejaskan Laman Web, Perkhidmatan atau sistem AmBank atau Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga;
- apa-apa undang-undang atau peraturan negara di tempat Transaksi diselesaikan atau dipenuhi atau apabila mana-mana instrumen boleh niaga atau penerimaan dikutip, atau apa-apa sekatan kawalan pertukaran termasuk tetapi tidak terhad kepada Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang dikenakan dari semasa ke semasa, kecuali jika disebabkan oleh pelanggaran undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut oleh AmBank sendiri;
- akses tanpa kebenaran kepada mana-mana Perkhidmatan oleh pihak ketiga menggunakan mana-mana

Kunci Elektronik, ID Pelanggan, ID Pengguna atau Sijil Digital; atau

- (h) apa-apa penyalahgunaan oleh Pelanggan terhadap Laman Web, Perisian, atau mana-mana Saluran.

10.3. Pengecualian Liabiliti bagi Maklumat Kewangan.

Walaupun AmBank akan menggunakan usaha munasabah untuk memastikan bahawa mana-mana maklumat kewangan yang disediakan melalui mana-mana Perkhidmatan Saluran adalah tepat semasa mula-mula disediakan, AmBank tidak menjamin ketepatan maklumat kewangan tersebut. AmBank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang ditanggung atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan akibat atau kerana Pelanggan menggunakan apa-apa maklumat kewangan yang tidak tepat atau tidak terkini.

10.4. Pengecualian dan Had Tanggungjawab dalam Jadual Perkhidmatan.

Apa-apa pengecualian atau had liabiliti lain dalam mana-mana Jadual Perkhidmatan ialah tambahan dan tidak menafikan pengecualian dan/atau had liabiliti dalam fasal 10.1, 10.2 dan 10.3 di atas.

- 10.5. Had Liabiliti AmBank.** Tanpa menjejaskan fasal 10.1 hingga 10.4 di atas, jumlah liabiliti AmBank kepada Pelanggan bagi mana-mana tuntutan yang timbul daripada atau berhubung dengan mana-mana Perkhidmatan adalah terhad kepada jumlah keseluruhan Fi yang dibayar oleh Pelanggan untuk Perkhidmatan yang berkaitan.

11. GANTI RUGI OLEH PELANGGAN

- 11.1. Ganti Rugi.** Kecuali dan melainkan jika keadaan sedemikian secara langsung disebabkan oleh kecuai besar, keingkaran sengaja atau penipuan oleh Bank, Pelanggan hendaklah mengganti rugi dan memastikan AmBank sentiasa dilindungi daripada dan terhadap semua tindakan, prosiding dan tuntutan, serta semua tuntutan, ganti rugi, kerugian, liabiliti dan kos (termasuk kos guaman atas asas peguam dan pelanggan) daripada apa-apa jenis yang mungkin ditanggung oleh AmBank yang timbul daripada atau berhubung dengan penyediaan mana-mana Perkhidmatan termasuk yang berpunca daripada mana-mana pelanggaran oleh Pelanggan terhadap kewajipan mereka di bawah Terma dan Syarat yang Berkaitan.

12. PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 12.1.** Pelanggan secara tidak boleh ditarik balik memberikan persetujuan bertulis kepada AmBank untuk mendedahkan apa-apa dokumen, rekod atau maklumat yang berkaitan dengan Perkhidmatan atau aset atau urusan Pelanggan atau akaun Pelanggan dengan AmBank:
- (a) kepada Bank Negara Malaysia, Unit Kredit Pusat, Sistem Maklumat Cek tak Laku, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) atau mana-mana biro atau agensi pelaporan kredit atau agensi penarafan kredit atau mana-mana Pihak Berkuasa Awam lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas AmBank dan kepada mana-mana pihak ketiga, jika dikehendaki oleh mana-mana undang-undang;
 - (b) kepada mana-mana depository pusat atau ejen depository yang diberi kuasa (sebagaimana istilah-istilah tersebut ditakrifkan dalam Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991);
 - (c) kepada mana-mana penerima pindahan atau penyerah hak yang berpotensi bagi AmBank;
 - (d) kepada mana-mana individu yang mencadangkan atau berniat untuk membuat atau menawarkan pembayaran ke atas liabiliti Pelanggan di bawah Perkhidmatan; (e) kepada mana-mana individu yang pendedahan sedemikian, pada pendapat AmBank, adalah perlu untuk atau berkaitan

dengan semakan, usaha wajar atau penguatkuasaan atau perlindungan atau percubaan penguatkuasaan atau perlindungan terhadap apa-apa hak atau kepentingan AmBank;

- (f) kepada mana-mana individu selaras dengan mana-mana pelan sukarela korporat, pengurusan kehakiman, skim kompromi, penyusunan semula, penggabungan, susunan, komposisi, penstrukturan semula atau mana-mana cadangan susunan, komposisi atau penstrukturan semula antara pemiutang Pelanggan;
- (g) kepada Kumpulan AmBank dan kepada mana-mana individu atau syarikat yang menyediakan kepada AmBank apa-apa perkhidmatan perundangan, perakaunan, pengauditan, kredit, pentadbiran, pemrosesan, pengurusan data atau perkhidmatan lain;
- (h) kepada mana-mana ejen kutipan hutang yang dilantik oleh mana-mana syarikat dalam Kumpulan AmBank;
- (i) kepada mana-mana ahli lain dalam Kumpulan Pelanggan; dan
- (j) jika berkenaan, kepada wakil peribadi bagi harta Pelanggan atau kepada jawatankuasa Pelanggan atau penama pemegang amanah, penyelia, pembubar, penerima dan pengurus, pengurus kehakiman, penerima, pengurus atau pentadbir yang dilantik oleh Mahkamah untuk menguruskan aset dan hal ehwal pelanggan apabila pelanggan didapati sebagai orang yang mengalami gangguan mental atau tidak siaman.

Untuk tujuan fasal ini, "Kumpulan AmBank" bermaksud semua perbadanan berkaitan AmBank yang diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia.

- 12.2.** Mana-mana ahli Kumpulan AmBank juga berhak untuk mendedahkan maklumat pelanggan berkaitan dengan Pelanggan kepada mana-mana cawangan dan mana-mana ahli Kumpulan AmBank yang lain untuk tujuan memaklumkan Pelanggan tentang apa-apa produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan AmBank.

13. PENGANTUNGAN DAN VARIASI PERKHIDMATAN

- 13.1. Pengantungan dan Pengeluaran.** AmBank boleh mengantun atau menarik balik keseluruhan atau mana-mana bahagian Perkhidmatan yang diberikan kepada Pelanggan pada bila-bila masa. Jika boleh dilaksanakan, AmBank hendaklah memberikan notis yang munasabah kepada Pelanggan terlebih dahulu tentang pengantungan atau pengeluaran.

- 13.2. Pengantungan atas Permintaan.** Jika diminta oleh Pelanggan secara bertulis dan semua Prosedur Keselamatan telah dipatuhi, tetapi tertakluk pada peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini, AmBank mesti mengantun keseluruhan atau sebahagian daripada Perkhidmatan seperti yang diminta oleh Pelanggan.

- 13.3. Variasi Perkhidmatan.** AmBank boleh membangunkan, menambah kepada, mengubah atau menggantikan keseluruhan atau mana-mana bahagian Perkhidmatan, Perisian, Bahan Sistem, atau apa-apa maklumat atau bahan lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan, dari semasa ke semasa, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan. Jika AmBank berbuat demikian, Pelanggan terus terikat dengan Terma dan Syarat yang Berkaitan dan, di samping itu, dengan mana-mana terma tambahan yang mungkin dimaklumkan oleh AmBank kepada Pelanggan berkaitan dengan pembangunan, penambahan, perubahan atau penggantian tersebut.

14. PENAMATAN

- 14.1. Penamatan melalui Notis.** Mana-mana pihak boleh menamatkan langganan Pelanggan untuk keseluruhan atau mana-mana bahagian

Perkhidmatan dan/atau mana-mana atau semua Terma dan Syarat yang Berkaitan dengan memberikan kepada pihak yang satu lagi notis bertulis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu.

14.2. Penamatan oleh AmBank. Walau apa pun Fasal 14.1, AmBank boleh menamatkan peruntukan keseluruhan atau mana-mana bahagian

Perkhidmatan kepada Pelanggan dan/atau semua atau mana-mana bahagian Terma dan Syarat yang Berkaitan dengan serta-merta tanpa notis terlebih dahulu:

- (a) atas apa-apa pelanggaran material oleh Pelanggan terhadap mana-mana terma dalam Terma dan Syarat yang Berkaitan atau mana-mana Terma dan Syarat lain antara Pelanggan dengan AmBank;
- (b) jika menjadi atau akan menjadi atau secara materialnya berkemungkinan besar akan menjadi tidak sah bagi Pelanggan atau AmBank untuk mematuhi mana-mana atau semua kewajipan pihak tersebut di bawah Terma dan Syarat yang Berkaitan atau jika pematuhan tersebut akan menyebabkan atau secara materialnya berkemungkinan besar akan menyebabkan AmBank melanggar mana-mana undang-undang atau keperluan kawal selia;
- (c) jika Pelanggan tidak lagi mempunyai apa-apa akaun dan/atau hubungan perbankan dengan AmBank; atau
- (d) apabila berlakunya apa-apa keadaan selaras dengan terma mana-mana Jadual Perkhidmatan (jika berkenaan) atau apa-apa keadaan yang menjejaskan Pelanggan atau Perkhidmatan yang AmBank, bertindak secara munasabah, anggap sebagai luar biasa.

14.3. Kesan Penamatan. Apabila penamatan mana-mana Terma dan Syarat yang Berkaitan secara keseluruhan atau sebahagian atas apa-apa sebab:

- (a) Pelanggan mesti segera mengembalikan kepada AmBank semua salinan Perisian, Panduan Pengguna dan mana-mana Bahan Sistem lain yang berkaitan, maklumat dan peralatan berkaitan yang dibekalkan oleh AmBank;
- (b) Pelanggan mesti segera menyebabkan semua Perisian yang berkaitan yang dibekalkan oleh AmBank kepada Pelanggan dipadamkan daripada mana-mana sistem, perkakasan atau peralatan lain tempat Perisian itu dipasang dan mengesahkan kepada AmBank secara bertulis bahawa perkara yang sama telah dilakukan;
- (c) Pelanggan mesti membenarkan mana-mana kakitangan atau ejen yang dilantik oleh AmBank memasuki premis Pelanggan pada masa yang munasabah dengan notis awal yang munasabah sama ada untuk mengesahkan bahawa Pelanggan telah mematuhi kewajipan yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) di atas, atau untuk menghendaki Pelanggan mematuhi kewajipan tersebut;
- (d) Pelanggan mesti menandatangani semua dokumen yang berkaitan untuk membuktikan pembatalan (keseluruhan atau sebahagian) mana-mana Lesen Perisian yang berkaitan yang diberikan kepada Pelanggan;
- (e) Pelanggan mesti membayar kepada AmBank semua wang yang terhutang oleh Pelanggan kepada AmBank di bawah Terma dan Syarat ini serta-merta apabila diminta;
- (f) AmBank boleh segera menafikan akses Pelanggan kepada Perkhidmatan yang berkaitan;
- (g) semua hak yang diberikan di bawah Terma dan Syarat ini akan serta-merta kembali kepada AmBank dan semua lesen, sublesen yang diberikan kepada Pelanggan di bawah Terma dan Syarat yang Berkaitan akan dibatalkan serta-merta; dan
- (h) hak atau kewajipan pihak-pihak yang timbul sebelum penamatan kekal utuh dan tidak terjejas oleh penamatan melainkan dinyatakan sebaliknya.

14.4. Fasal yang Kekal Berkuat Kuasa Selepas Penamatan. Peruntukan dalam fasal 10, 11 dan 12 dan mana-mana indemniti dan pengecualian atau had liabiliti lain yang

dinyatakan dalam mana-mana Jadual Perkhidmatan kekal berkuat kuasa selepas mana-mana penamatan Terma dan Syarat berkaitan dan berterusan selama-lamanya.

15. NOTIS

- 15.1. Kaedah Pemberian Notis.** Notis, persetujuan, kelulusan atau komunikasi lain (setiap satu daripadanya disebut "Notis") di bawah Terma dan Syarat yang Berkaitan (selain Komunikasi yang diberikan dengan betul melalui Saluran yang dipersetujui) hendaklah secara bertulis (termasuk bentuk elektronik), ditandatangani oleh atau bagi pihak-pihak yang memberikan Notis, dialamatkan kepada pihak yang akan menerimanya dan:
- (a) dihantar kepada pihak penerima secara peribadi;
 - (b) dihantar melalui mel prabayar ke alamat pihak penerima;
 - (c) dihantar melalui faksimili ke nombor faksimili pihak penerima;
 - (d) dihantar ke alamat e-mel pihak penerima.

15.2. Masa Penerimaan. Notis yang diberikan kepada seseorang mengikut fasal ini dianggap telah diberikan dan diterima:

- (a) jika berjaya dihantar melalui faksimili atau e-mel, pada hari penghantaran jika dihantar sebelum jam 4:00 petang pada Hari Perniagaan, jika tidak pada Hari Perniagaan berikutnya;
- (b) jika dihantar melalui mel prabayar, tiga (3) Hari Perniagaan selepas tarikh pengeposan;
- (c) jika dihantar melalui kurier, pada Hari Perniagaan berikutnya selepas pengambilan oleh kurier;
- (d) jika disiarkan di AmAccess Corporate, AmAccess Biz, AmAccess Trade atau Laman Web AmBank yang lain, pada hari penyiaran sebelum jam 4:00 petang pada Hari Perniagaan, jika tidak pada Hari Perniagaan berikutnya.

15.3. Alamat untuk Notis. Untuk tujuan fasal ini:

- (a) seseorang ("pengirim") boleh mengambil alamat, nombor faksimili dan alamat e-mel orang lain ("penerima") sebagai, jika penerima ialah Pelanggan, alamat Pelanggan dalam rekod AmBank dari semasa ke semasa.
- (b) maklumat untuk dihubungi bagi mana-mana komunikasi tentang Perkhidmatan (termasuk aduan, tetapi tidak termasuk Komunikasi yang diberikan dengan betul melalui Saluran yang dipersetujui) dan Notis kepada AmBank adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Butiran	Pusat Panggilan
Nombor Untuk Dihubungi	+603-2178 3188
Nombor Faks	+603-2171 3080
E-mel	e-ambizcare@ambankgroup.com atau amaccesscare@ambankgroup.com

16. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA

16.1. Undang-undang Pentadbir dan Bidang Kuasa. Terma dan Syarat ini ditadbir oleh undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia dan pihak-pihak tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

16.2. Penyampaian Proses Undang-undang. Penyampaian apa-apa proses undang-undang ke atas mana-mana pihak boleh diberikan melalui pos berdaftar prabayar yang dihantar ke alamat untuk notis pihak tersebut dan proses undang-undang tersebut akan dianggap telah disampaikan dengan sewajarnya selepas tamat tempoh tiga (3) Hari Perniagaan dari tarikh ia diposkan.

17. UMUM

17.1. Jadual Bahagian Penting Terma dan Syarat yang Berkaitan. Jadual Perkhidmatan, adendum, jadual dan Panduan Pengguna membentuk bahagian penting Terma dan Syarat yang Berkaitan. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara terma Terma dan Syarat ini dengan mana-mana Jadual Perkhidmatan atau Panduan Pengguna, terma Jadual Perkhidmatan atau Panduan Pengguna akan diguna pakai.

17.2. Terma dan Syarat Lain Berkaitan Akaun Pelanggan. Terma-terma yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat yang Berkaitan adalah sebagai tambahan kepada, dan bukan sebagai pengganti kepada, mana-mana Terma dan Syarat lain, mandat, terma atau syarat yang berkaitan dengan mana-mana Akaun Pelanggan (melainkan dinyatakan sebaliknya). Untuk tujuan Perkhidmatan, sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara Terma dan Syarat berkaitan dengan terma mana-mana Terma dan Syarat lain, mandat, terma, atau syarat yang berkaitan dengan Akaun Pelanggan dengan AmBank, Terma dan Syarat berkaitan hendaklah diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

17.3. Keseluruhan Terma dan Syarat. Terma dan Syarat yang Berkaitan ini menyatakan keseluruhan Terma dan Syarat antara AmBank dengan Pelanggan berkaitan dengan

Perkhidmatan tersebut. Terma dan Syarat ini hendaklah mengatasi mana-mana Terma dan Syarat Perkhidmatan Induk terdahulu yang dimasuki antara Pelanggan dengan AmBank.

17.4. Penepian. Tiada kegagalan untuk melaksanakan, mahupun kelewatan untuk melaksanakan, di pihak AmBank, apa-apa hak di bawah Terma dan Syarat yang Berkaitan akan beroperasi sebagai penepian untuk melaksanakan hak tersebut. Hak AmBank yang timbul di bawah Terma dan Syarat yang Berkaitan tidak boleh diketepikan atau diubah melainkan melalui penepian atau perubahan nyata secara bertulis.

17.5. Masa. Masa adalah penting dalam Terma dan Syarat ini.

17.6. Kebolehasingan. Jika pada bila-bila masa mana-mana peruntukan Terma dan Syarat berkaitan adalah atau menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa jua hal, peruntukan yang tinggal dalam Terma dan Syarat yang Berkaitan tidak akan terjejas atau terbatal dengan apa-apa cara sama ada dalam bidang kuasa yang sama atau yang lain.

17.7. Bahasa. Pelanggan telah memilih Bahasa Melayu sebagai bahasa bagi Terma dan Syarat ini, yang hendaklah diguna pakai sekiranya terdapat perbezaan makna dengan mana-mana versi Terma dan Syarat ini dalam bahasa lain.

- Halaman yang selebihnya ini sengaja dibiarkan kosong -